



Ruj : UPM/PERJ-5.2

Tarikh : 16 Julai 2002

PEKELILING PERKHIDMATAN UPM BILANGAN 1/2002

Kepada:

Semua Pengetua Kolej Kediaman
Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU

Tuan/Puan,

PERUBAHAN KADAR BAGI ELAUN KHAS PENTADBIRAN UNTUK PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN

Tujuan:

1. Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia mengenai pindaan dan melaksanakan kadar baru bagi bayaran Elaun Khas Pentadbiran untuk Pengetua Kolej Kediaman di Universiti Putra Malaysia.

Latar Belakang:

2. Elaun Khas Pentadbiran telah diperuntukkan kepada mereka yang berkenaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1985 dan pindaan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1995. Perlaksanaan Elaun Khas Pentadbiran di Universiti Putra Malaysia adalah elaun-elaun yang merangkumi Elaun Dekan/Pengarah, Elaun Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah dan Elaun Ketua Jabatan dan Elaun Pengetua Asrama.

Kadar Baru Elaun Khas Pentadbiran

3. Elaun Khas Pentadbiran merupakan imbuhan galakan untuk pegawai akademik di universiti - universiti yang dilantik untuk menjalankan tugas tambahan yang berkaitan. Bagi tujuan pindaan pada kali ini hanya melibatkan perubahan kadar elaun bagi pegawai akademik yang terlibat dalam pentadbiran aktiviti Kolej Kediaman. Kadar Elaun Pengetua Kolej Kediaman adalah dipinda dari RM 400.00 (Ringgit: Empat Ratus sahaja) kepada RM 700.00 (Ringgit: Tujuh Ratus sahaja) sebulan.

Tarikh Kuatkuasa

4. Tarikh kuatkuasa kadar baru Elaun Khas Pentadbiran kepada Pengetua Kolej Kediaman ini ialah pada 1 Jun 2002.

Sekian.

Yang benar,



(KAMALUL ARIPIN BIN MUSA)

Pendaftar

Universiti Putra Malaysia

Salinan: Y. Bhg. Dato' Naib Canselor, UPM
Timbalan -Timbalan Naib Canselor, UPM
Bendahari, UPM